

UMS teroka peluang kolaboratif bersama AMBS, University of Manchester

UB 24.05.2023 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk mengadakan kolaboratif bersama Alliance Manchester Business School (AMBS), University of Manchester, England khususnya dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor ketika mengetuai delegasi UMS mengadakan pertemuan bersama pihak AMBS baru-baru ini.

Lawatan delegasi UMS disambut oleh Dekan AMBS, Profesor Dr. Kenneth McPhail yang merupakan profesor dalam bidang perakaunan.

Kasim yang juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Sabah memaklumkan, dalam pertemuan tersebut kedua-dua pihak membincangkan peluang kerjasama penyelidikan dan akademik



ALBUM: Kasim (dua kiri) merakamkan gambar bersama wakil dari AMBS, University of Manchester.

dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Beliau turut menekankan potensi penyelidikan di negeri Sabah yang mempunyai kepelbagaiannya sumber semula jadi terutamanya keselama-

tan makanan, biodiversiti, seni budaya dan pelancongan serta minyak dan gas.

“Sumber-sumber ini menjadi tonggak ekonomi negara dan asas kepada penyelidikan berfokus untuk kesejahteraan

masyarakat,” katanya.

Antara topik perbincangan khusus dalam pertemuan tersebut adalah pertukaran kepakaran dalam ekonomi dan perniagaan serta kaedah pelaksanaan pengajaran dan

pembelajaran secara dalam talian atau Open Distance Learning.

Program lawatan itu disusuli dengan sesi perkongsian antara Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ir. Dr. Rosalam Sarbatly dengan para pelajar dari Malaysia dan Indonesia yang mengikuti program Doktor Falsafah di University of Manchester.

Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi berkaitan peluang kerjaya sebagai ahli penyelidik dan akademik di UMS serta tips untuk menjalani pengajian dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu mencapai Graduate on Time.

Pertemuan tersebut diadakan sebagai mengambil peluang sempena lawatan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin yang juga merupakan Canselor UMS ke London, United Kingdom baru-baru ini.